

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini tentang kehilangan dua orang askar semasa operasi di Pulau Perak, Kedah pada bulan Julai tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Operasi CARILAMAT bagi pencarian dua anggota Tentera Darat telah diaktifkan oleh Maritime Rescue Sub-Centre (MRSC) Langkawi pada 20 Julai 2019, jam 7.30 pagi. Sebuah kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan sebuah kapal Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) telah terlibat di dalam operasi berkenaan. Operasi CARILAMAT turut dibantu oleh sebuah pesawat Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan sebuah pesawat Dauphin APMM.

Pada 21 Julai 2019, jam 7.30 malam, MRSC Langkawi telah menamatkan Operasi CARILAMAT bagi aset APMM berikutan tiada sebarang petunjuk dijumpai. Walau bagaimanapun aset TLDM masih meneruskan pencarian di sekitar perairan Pulau Perak. Kawasan pencarian tertumpu di bahagian Timur Laut, Pulau Perak. Pada 26 Julai 2019, jam 4.45 petang, setelah seminggu pencarian dilakukan, Operasi CARILAMAT melibatkan aset TLDM telah dihentikan berikutan tiada petunjuk baru. Operasi CARILAMAT akan disambung semula jika terdapat petunjuk baru. Walau bagaimanapun, aset ATM sentiasa melaksanakan pemantauan di kawasan tersebut bagi mendapatkan sebarang petunjuk baru.